

# Sampah bertabur luar tong

**Kemudahan tong sampah yang dibekalkan kerajaan negeri tidak dimanfaatkan**

NURUL FIRDAUS KHAIRI

SIJANGKANG

“Inisiatif kerajaan negeri meletakkan tong sampah di kawasan kampung sebenarnya adalah untuk sampah domestik, tetapi apa yang berlaku amat

dikesalkan,” kata Adun Sijangkang, Datuk Dr Ahmad Yunus Hairi ketika mengulas mengenai tindakan sekumpulan anak muda yang terpaksa membersihkan kawasan tempat pembuangan sampah di sebuah kawasan di Dun Sijangkang, semalam.

Menurutnya, ada pula tong sampah yang dibakar individu tertentu kerana tidak tahan melihat longgokan sampah selain masalah kutip-an sampah.

“Saya akui terdapat kelemahan pengurusan tetapi penambahbaikan terus dilakukan sepanjang masa.”

“Kalau semua pihak me-



**“Saya akui terdapat kelemahan pengurusan tetapi penambahbaikan terus dilakukan sepanjang masa.”**

- Ahmad Yunus

mainkan peranan saya rasa isu ini dapat diselesaikan dan tak ada isu longgokan sampah berlaku di kawasan itu,” katanya kepada Sinar Harian.

Ahmad Yunus mem-

beritahu, peranan yang dimainkan oleh anak muda termasuk ahli Pas dan Jabatan Amal ialah memberi pengajaran kepada masyarakat bahawa pelupusan sampah adalah tanggungjawab se-



Laporan Sinar Harian semalam.

latam akhirnya tiada tempat pembuangan sampah di kawasan luar bandar dan desa tercapai,” katanya

Mengulas Majlis Daerah Kuala Langat (MDKL) bertanggungjawab untuk atasi masalah itu namun apabila melihat keadaan sampah pun masih tidak dibuang di dalam tong sampah dan bertaburan lanya cukup mencaatkan pemandangan.

## Pampasan bantu kurangkan beban keluarga

JENDERAM HILIR - “Makcik sendiri tak tahu arwah seorang pencarum Pertubuhan Keselamatan Sosial Malaysia (Perkeso)” luah seorang ibu, Sapiah Yusof, 62, dari Kampung Jenderam Hilir, Sepang di sini.

Menurutnya, dia juga tidak menyangka anak keenam daripada 12 orang anaknya, Shari Saleh, 36, pergi meninggalkannya secara tiba-tiba.

“Anak makcik disahkan meninggal dunia pada 13 Februari lalu pada mulanya akibat sesak nafas serta mengalami masalah kesihatan termasuk jangkitan kuman dalam darah.

“Sebelum tu, dia (arwah) ada juga mengadu sakit dada tetapi tak sangkalah teruk sehingga kena masuk hospital,” katanya ketika ditemui di rumahnya di Jenderam Hilir selepas Majlis Penyerahan Cek Faedah Pengurusan Mayat, di sini

semalam.

Sapiah berkata, arwah meninggalkan seorang anak tunggal, Mohd Hadib Sha’ari, berusia empat tahun yang dijaganya setelah berpisah dengan isterinya.

Menurutnya, dia sendiri tidak menyangka akan menerima kunjungan daripada pihak Perkeso sekali gus menerima cek Faedah Pengurusan Mayat berjumlah RM 2,000.

“Makcik bersyukur kerana dengan wang ini dapat makcik gunakan apa yang patut untuk cucu makcik ni memandangkan makcik yang akan ambil alih jaga dia.

“Makcik berhasrat nak masukan dia ke sekolah tahfiz, mungkin bantuan bulanan ini dapat membiayai cucu makcik nanti sehingga melanjutkan pelajaran nanti,” katanya.

Sementara itu, Timbalan

Pengurus Pejabat Perkeso Kajang, Abdullah Kamal Ahmad berkata, selepas serahan cek ini, waris kepada arwah akan menerima pencen setiap bulan.

“Warisan menerima sehingga, berusia 21 tahun,” katanya.

Majlis penyampaian cek berkenaan telah disempurnakan oleh Adun Dengkil, Shahrul Mohd Sharif.

Mengulas lanjut, Shahrul berkata, pada majlis sama Perkeso mengakui sebahagian besar pencarumnya tidak mengetahui hak mereka.

Katanya, pencarum sebenarnya layak menerima pencen meskipun sudah berhenti kerja.

“Andai kata seorang pekerja itu sudah berhenti atau bekerja sendiri tapi masih berumur di bawah 60 tahun jika mereka sakit, kemalangan hingga hilang anggota badan,



Sapiah (dua dari kiri) bersama suaminya, Salleh Yusof, 62, menerima kunjungan Shahrul dan wakil Perkeso ke rumahnya, semalam.

mereka layak menerima skim pencen ilat walaupun dia tidak mencarum lama,”

“Bagi saya Perkeso turut membantu dari segi kos perubatan seperti dialisis dan bantuan peralatan pemulihan.

“Jadi, sakit yang teruk,

kemalangan atau apa-apa jenis penyakit yang membuatkan d pencarum tidak boleh bekerja, boleh hubungi Perkeso dan mereka akan semak untuk lihat kelayakan bagi skim pencen ilat,” katanya.

“Perkeso kerjasama dengan pemimpin setempat,” katanya.



**KLIK**

**HADIR**  
Pengerah Pejabat Pembangunan Negeri Selangor, Datuk Rosli Ramli turut hadir dalam Majlis Sambutan Tahun Baharu Cina Majlis Belia Selangor 2018 yang diadakan di Sekolah Jenis Kebangsaan Cina Chong Hwa, Banting. Hadir sama Presiden Majlis Belia Selangor, Hafez Shuriddin dan Pengurus Pengerusi Pembangunan Persekutuan Parlimen Kuala Langat, Datuk Sulaiman Mohd Karli.



## ***Kena tahu beza sampah pukal, domestik***

**BANTING** - Yang Dipertua Majlis Daerah Kuala Langat (MDKL), Mohamad Zain A Hamid berkata, penduduk di daerah ini perlu faham dan tahu membezakan kategori sampah pukal dan domestik agar lambakan sampah haram boleh dielakkan.

Katanya, sampah domestik meliputi sisa makanan daripada penduduk atau perumahan, manakala sampah pepejal pukal ialah barangan selain sisa makanan seperti perabot, tilam, barang elektronik, tayar buruk, batu, kayu atau pokok dan yang seumpamanya.

"Mereka perlu faham sampah pukal tidak termasuk dalam skop kutipan sampah MDKL oleh yang demikian, berlaku lambakan sampah sarap yang sebenarnya terdiri daripada sisa sampah pukal selain sisa domestik menyebabkan tong-tong sampah yang disediakan oleh MDKL sentiasa tidak mencukupi walaupun tong berkapasiti 1,100 liter telah disediakan," katanya.

Menurutnya, sekiranya terdapat permintaan daripada penduduk kampung atau orang awam yang ingin membuang sampah pukal, mereka

boleh menghubungi MDKL untuk perkhidmatan tong roro dengan bayaran RM200 seunit dan boleh dikongsi bersama jiran-jiran yang memerlukan.

Selain itu, kutipan sampah domestik di kampung-kampung tradisi juga dilaksanakan sebanyak tiga kali seminggu iaitu hari Selasa, Khamis dan Sabtu bagi kawasan 1 manakala Isnin, Rabu dan Jumaat bagi kawasan 2.

Mengulas mengenai isu beberapa ahli majlis yang merungut apabila terdapat isu perparitan tidak diselenggarakan dengan baik, beliau akan mengambil maklum dan segera memanjangkan isu tersebut kepada pihak terlibat.

"Difahamkan kontraktor yang dilantik tidak masuk buat kerja longkang, jadi memberi masalah kepada ahli majlis dalam berdepan dengan rungutan penduduk.

"Sama juga dengan isu sampah, ahli majlis juga dituding dengan hal longgokan sampah haram di kawasan kampung walaupun lokasi tong sampah telah dipersetujui oleh kepimpinan kampung," katanya.